

## **PENGUASAAN BAHAN BACAAN BAHASA ARAB MELALUI TEKNIK MEMBACA SQ3R**

*(The mastery of Arabic reading materials through SQ3R reading technique)*

Awatif Abdul Rahman, Hairun Najuwah Jamali, Ku Fatahiyah Ku Azizan & Siti Nurhajariah Mat Isa

### **ABSTRAK**

Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia telah meletakkan matlamat membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran asas bahasa antaranya ialah kemahiran membaca. Penggunaan teknik yang sesuai akan memudahkan kefahaman pelajar di samping memaksimumkan kemahiran yang diperolehi. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk memberi panduan pengajaran bahasa Arab kepada pensyarah bagi membantu pelajar menguasai kemahiran membaca. Kajian ini adalah berbentuk satu kajian tindakan. Seramai 90 orang pelajar tahun 1 terlibat dalam kajian ini. Instrumen-instrumen yang digunakan sebagai alat pengumpulan data ialah senarai semak, pemerhatian dan soal selidik. Hasil dapatan kajian tindakan yang dijalankan mendapati bahawa tahap kemahiran membaca pelajar berada pada tahap yang tinggi. Secara keseluruhannya, strategi dan teknik yang diaplikasi ini dapat membantu pelajar meningkatkan minat pelajar dalam menguasai kemahiran membaca bahasa Arab pelajar. Skor min domain kajian berada pada tahap interpretasi yang tinggi. Skor keseluruhan bagi domain kemahiran membaca (min = 3.74, sp = 0.34), penguasaan bahan bacaan (min = 3.49, sp = 0.51). Justeru, dapatan kajian ini telah mencadangkan modul P&P kemahiran bahasa Arab antaranya kemahiran membaca sebagai garis panduan kepada tenaga pengajar bahasa Arab yang mengajar kemahiran asas bahasa Arab untuk diaplikasi.

**Kata kunci:** P&P Bahasa Arab, Kemahiran Membaca, Penguasaan Bahan Bacaan, Teknik SQ3R, Modul P&P

### **ABSTRACT**

*Teaching Arabic in Malaysia has put the goal of enabling students to master the four basic language skills such as reading skills. The use of appropriate techniques will facilitate student understanding and maximizing the skills acquired. Therefore, this action research was conducted to provide guidance to the lecturers teaching Arabic language to help students master reading. A total of 90 students in one involved in the study. The instruments that are used as data collection tool is a checklist, observation and questionnaires. The findings actions carried out found that the level of students' reading skills are at a high level. Overall, the strategies and techniques that can be applied to help students improve student interest in learning Arabic reading skills of students. Domain mean score on the*

*interpretation of the study were high. The overall score for reading skills domain (mean = 3.74, sd = 0.34), mastery of reading material (mean = 3.49, sd = 0.51). Thus, studies have suggested action module P & P Arabic language skills including reading skills as a guideline for teachers who teach Arabic Arabic basic skills to be applied.*

**Keywords:** P&P Arabic, Reading Skills, Reading Mastery, SQ3R Reading Technique, Module P&P.

## PENDAHULUAN

Pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai subjek wajib universiti di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) telah berjalan semenjak awal penubuhan institusi ini bermula pada 1995. Silibus yang dirangka dan digunapakai adalah berdasarkan pendekatan bersepadu iaitu menggabungkan empat kemahiran asas; kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam satu modul dan tahap. Selepas melalui fasa p&p sehingga kini, didapati pelajar kurang menguasai keempat kemahiran tersebut bahkan tidak terarah dan tidak mencapai salah satu daripada kemahiran asas bahasa Arab ini. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh kumpulan tenaga pengajar di KUIS pada 2012 yang lalu, dapatan kajian mendapati pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia masih memerlukan strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik, terancang dan berkesan untuk diaplikasikan pada masa depan (Mohd Rofian et. al. 2012).

Justeru, bagi mengatasi masalah dalam kalangan pelajar yang mempelajari bahasa Arab di KUIS sebagai subjek wajib, satu kajian tindakan telah dilakukan bagi mengatasi permasalahan yang sedia ada. Kajian tindakan adalah sejenis penyelidikan yang berbentuk renungan sendiri dan melibatkan penyelidik sendiri mengkaji amalan yang lazim dilakukan dalam bidang tugas mereka. Dalam bidang pendidikan, penyelidikan tindakan melibatkan penyelidik-penyelidik seperti pensyarah, guru-guru, pengetua, atau penuntut (mereka ini boleh menjadi sebagai penyelidik atau peserta yang diselidik) untuk memperbaiki dari segi amalan sosial dan pendidikan sendiri, kefahaman terhadap amalan sendiri, situasi di mana amalan tersebut dijalankan.

Secara umumnya, proses dalam P&P amat penting kepada pelajar untuk menguasai bahasa Arab. Pensyarah perlu mengetahui masalah yang dihadapi oleh pelajar mereka tidak kira dalam penguasaan kosa kata, tatabahasa, kemahiran lisan, membaca atau menulis. Pengetahuan pensyarah terhadap masalah pelajar akan membentuk tindakan susulan yang sesuai untuk diaplikasikan kepada pelajar yang bermasalah.

Tinjauan awal kajian ini mula dijalankan pada minggu pertama pelajar tahun 1 memulakan pengajian di dalam kelas. Antara masalah yang dihadapi oleh pelajar ialah membaca, menulis, bertutur dan mendengar teks bahasa Arab. Responden kajian ini terbatas kepada pelajar tahun satu yang sedang berada di semester satu. Responden kajian ini ialah pelajar diploma Pengajian Islam yang belajar di KUIS sahaja. Tempoh pelaksanaan kajian tindakan ini ialah satu semester pengajian sahaja. Responden pelajar diploma Pengajian Islam ini dipilih adalah melihat kepada keperluan bahasa Arab dan penggunaan yang optimum dapat dipraktikkan dalam bidang pengajian pelajar. Manakala pelajar semester 1 dipilih

adalah sebagai pengenalan ke arah memperkenalkan pengajaran bahasa Arab berfokus kepada empat kemahiran asas bahasa Arab iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

### **TUJUAN KAJIAN**

Berpandukan kepada model yang dihasilkan oleh (Mohd Rofian et. al. 2012), kajian ini berfokus pada pelaksanaan kemahiran membaca semasa proses p&p melalui kajian tindakan;

- i) mengaplikasi teknik membaca SQ3R yang telah dipilih.
- ii) mengkaji penerimaan pelajar.
- ii) menganalisa keberhasilan model.

### **Definisi Kajian Tindakan**

Terdapat banyak definisi kajian tindakan dalam bidang penyelidikan. Antara definisi kajian tindakan ialah;

#### **Kemmis & McTaggart (1988)**

Kajian tindakan merupakan satu bentuk inkuiri refleksi sendiri yang dilakukan secara kolektif, dilakukan oleh peserta yang berada dalam sesuatu situasi sosial bertujuan meningkatkan kerasionalan dan keadilan amalan-amalan kemasyarakatan dan pendidikan mereka sendiri, di samping meningkatkan kefahaman mereka tentang amalan-amalan itu serta situasi di mana amalan itu dilakukan.

#### **Ebbut (1985)**

Kajian tindakan merupakan suatu pengkajian yang sistematik oleh sekumpulan pengamal terhadap usaha-usaha untuk mengubah dan memperbaiki amalan pendidikan melalui tindakan praktis mereka sendiri serta refleksi terhadap kesan atau akibat tindakan tersebut.

#### **McNiff (1988)**

Kajian tindakan adalah satu pendekatan untuk memperbaiki atau meningkatkan kualiti pendidikan melalui perubahan dengan menggalakkan guru-guru menjadi lebih sedar tentang amalan mereka sendiri, menjadi kritis terhadap amalan-amalan tersebut dan bersedia untuk mengubahnya. Ia melibatkan guru dalam inkuiri yang dijalankan oleh mereka serta melibatkan guru-guru lain secara bersama.

#### **Somekh (1989)**

Kajian tindakan ialah satu kajian terhadap situasi sosial yang melibatkan peserta dalam situasi sosial itu sendiri sebagai penyelidik dengan niat untuk memperbaiki kualiti amalan masing-masing.

#### **Cochran-Smith dan Lytle (1990)**

Kajian tindakan merupakan kajian bilik darjah yang dilakukan oleh guru-guru bagi membolehkan mereka meneroka isu-isu yang mereka sukai. Ia juga menyediakan satu kaedah


yang formal bagi menjadikan pengetahuan guru sebagai sebahagian daripada sumber maklumat dalam pengajaran serta mendekatkan guru dalam struktur kuasa dalam pendidikan. **Kember dan Gow (1992),**

Kajian tindakan melibatkan pengamal (guru) untuk mencuba memperbaiki pengajaran mereka melalui kitaran yang melibatkan proses perancangan, pelaksanaan, pemerhatian dan refleksi.

## Model Kajian Tindakan

### Model Kurt Lewin

Lewin (1946) menjelaskan bahawa sesebuah penyelidikan perlu diikuti dengan tindakan sosial. Beliau mengemukakan satu model pilin dan setiap pilin atau kitaran itu mengandungi langkah-langkah perancangan, tindakan dan peninjauan atau pencarian fakta mengenai kesan atau keputusan sesuatu tindakan itu (Lewin, 1948). Kitaran tersebut dapat dilihat melalui gambar rajah di bawah;



Rajah 1: Model Kurt Lewin

Menurut Lewin, langkah pertama ini meneliti dan mengenalpasti sesuatu idea atau amalan. Ini diikuti dengan pencarian fakta berkaitan dengan situasi yang diperlukan. Sekiranya langkah awal ini dapat dilakukan, perancangan keseluruhan akan dibuat dan keputusannya akan dianggap sebagai langkah pertama sesuatu tindakan. Langkah seterusnya mengandungi langkah-langkah perancangan, pelaksanaan dan tinjauan atau pencarian fakta dengan tujuan untuk dibuat penilaian ke atas keputusan langkah kedua ini. Seterusnya, asas untuk langkah ketiga dibuat yang mungkin melibatkan pembetulan, penambahbaikan atau modifikasi rancangan keseluruhan tadi.

Secara kesimpulannya, kajian tindakan merupakan satu kaedah untuk guru mereflek masalah yang mereka hadapi, memungut dan menganalisis data dan melaksanakan perubahan

terhadap amalan mereka berdasarkan dapatan-dapatan yang diperolehi. Kajian tindakan menjurus kepada matlamat menjalankan penyelidikan tindakan, iaitu atas keinginan dan kecenderungan guru untuk memperbaiki kualiti amalan atau pengajaran pembelajaran serta situasi kerja. Sehubungan dengan itu, guru dapat mengatasi masalah yang dihadapinya dalam konteks amalan mereka sendiri (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008). Model Kurt Lewin ini dipilih kerana pada pandangan pengkaji, ia lebih sistematik dan terarah sesuai dengan tempoh pelaksanaanya.

### **Kemahiran Membaca**

Membaca merupakan salah satu sumber pengetahuan dan asas pembentukan diri ke arah memperoleh ilmu pengetahuan. Tujuan membaca ialah bagi memahami teks yang dibaca dan kandungan teks memberi yang makna kepada pembaca (Yahya, 2005). To'imah (1989) ialah suatu proses pengecaman, pemahaman, kritikan dan tindak balas yang merupakan suatu aktiviti akal fikiran yang memerlukan penglibatan setiap aspek personaliti seseorang pembaca. Ini menunjukkan bahawa aktiviti membaca merupakan salah satu kemahiran bahasa yang penting untuk dikuasai sama ada dalam bahasa ibunda atau bahasa kedua. Tidak lengkap mempelajari sesuatu bahasa itu melainkan seseorang individu dapat menguasai kemahiran membaca bahasa yang dipelajarinya. Malah dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing atau kedua di Malaysia, kemahiran membaca boleh dianggap sebagai objektif utama yang perlu dikuasai. Ini adalah kemahiran-kemahiran lain kurang dipraktikkan secara meluas (Nik Rahimi, 1998).

### **Pengajaran Kemahiran Membaca**

Kecenderungan pengajaran bahasa menumpukan kepada pergerakan yang hasilnya adalah pemerolehan dan mempraktikkannya. Secara umumnya, pengajaran kemahiran ini fokus kepada beberapa perbuatan berikut (To'imah 2004);

- i) Memaksimumkan tahap pergerakan.
- ii) Pembinaan bentuk-bentuk dalam pembelajaran.
- iii) Kesepaduan dan keseragaman sikap dalam pembelajaran.
- iv) Pendekatan yang mudah dan lancar.
- v) Bunyi baris bacaan yang pelik pada awal bacaan dapat dikurangkan.
- vi) Kesalahan-kesalahan pada peringkat awal dapat dikurangkan.
- vii) Kemampuan dalam melakukan.
- viii) Kemampuan dalam pelaksanaan dapat bertambah.
- ix) Pelaksanaan dilakukan dengan cepat.
- x) Pelaksanaan dilakukan dengan keyakinan dalam diri dan menerima dengan baik.
- xi) Pelaksanaan didokong oleh penerimaan yang jelas melalui pemikiran, pelaksanaan dan hasil dapatan.

Justeru, jelas kemahiran membaca bertujuan memahami teks dan isi kandungannya. Manakala dalam pengajaran kemahiran membaca ia mesti berbentuk psikomotor kerana melibatkan beberapa proses penglibatan, pergerakan dan perbuatan bagi menghasilkan pemerolehan bahasa yang berkesan.

### **Penguasaan Bahan Bacaan**

Penguasaan bahasa bererti penguasaan satu sistem komunikasi yang tercermin di dalamnya akal budi dan pemikiran masyarakat itu (Awang Sariyan 2000). Seseorang yang telah menguasai bahasa beerti mereka telah menguasai satu cabang ilmu. Justeru, untuk memungkinkan seseorang menghayati bahan bacaan dengan sebaik-baiknya, tumpuan perhatian perlu diberi kepada aspek penguasaan bahasa. Hubungan antara penguasaan bahasa dengan proses pembacaan adalah saling berkaitan. Faktor keanekabahasaan sebagai asas permerolehan maklumat yang luas melalui pembacaan juga antara ciri hubungan bahasa dengan kemahiran membaca.

Dalam proses membaca bahan bacaan bahasa kedua, penguasaan bahasa sasaran perlu dalam menguasai teks. Bagi tujuan tersebut, respons pembaca terhadap teks bertujuan untuk melancarkan lagi perjalanan proses transaksi maklumat daripada penulis kepada pembaca (Smith 1994). Ia melibatkan aspek linguistik seperti penguasaan morfologi, sintaksis dan semantik.

Dalam proses membaca dan mendapatkan makna daripada pembacaan, terdapat teknik-teknik yang diperkenalkan sebagai satu panduan kepada pembaca. Menurut Yahya Othman(2004), terdapat lima teknik yang biasa digunakan dalam kemahiran membaca. Walau bagaimanapun, teknik SQ3R dan KWLH dikenal pasti sebagai teknik membaca yang popular dalam meningkatkan kemahiran membaca. Teknik membaca SQ3R (Survey-Question-Read-Recite-Review) yang diperkenalkan oleh Robinson(1970). Teknik membaca ini meminta pembaca membuat analisis mendalam tentang bahan yang dibaca. Teknik membaca SQ3R adalah teknik yang amat berkesan untuk pembelajaran bahasa. Langkah-langkah membaca menggunakan teknik membaca SQ3R:

- Lihat tajuk utama sepintas lalu bagi melihat idea keseluruhan.
- Tukarkan tajuk utama menjadi soalan.
- Baca keseluruhan bahagian bagi mendapatkan jawapan.
- Selepas membaca petikan, susun idea dan isi penting dengan bimbingan guru.
- Menyebut tajuk utama bagi setiap bahagian, perenggan melalui ingatan bagi menjawab soalan.

Secara umumnya teknik membaca SQ3R memerlukan keupayaan pelajar menggunakan mindanya secara optimum. Kesimpulannya, teknik membaca SQ3R dapat membantu pelajar menggunakan kemahiran berfikir terutama bagi memahami teks yang dibaca.

Jadual 1: Senarai semak teknik membaca SQ3R

Bil	Item	Tindakan
1	Survey	<ul style="list-style-type: none"><li>- Pelajar akan membuat tinjauan awal tentang petikan.</li><li>- Dapatkan idea utama petikan.</li></ul>
2	Question	<ul style="list-style-type: none"><li>- Pelajar akan membina soalan-soalan menggunakan tanda pertanyaan pada setiap perenggan yang terdapat dalam petikan.</li><li>- Pembinaan soalan-soalan mestilah tidak terkeluar</li></ul>

		daripada tajuk petikan.
3	Read	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pelajar akan membaca dengan bacaan yang betul seperti menjaga makhraj huruf, memberi penekanan pada mad yang terdapat dalam setiap perkataan, memerhati kewujudan al qamariyyah dan al-syamsiyyah dan penekanan pada tashdid yang ada dalam kalimah.</li> <li>- Pelajar akan ulang baca secara senyap atau bunyi.</li> <li>- Bacaan dilakukan secara individu dan berpasangan.</li> </ul>
4	Recite	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pelajar akan mengeluarkan dan menyenaraikan mufradat-mufradat baharu yang terdapat dalam petikan.</li> <li>- Pelajar akan mengeluarkan isi-isi penting pada setiap perenggan.</li> </ul>
5	Review	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pelajar akan membuat kesimpulan dan analisis keseluruhan bagi petikan.</li> </ul>

## METODOLOGI

Kajian ini adalah secara kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan sebagai reka bentuk kajian. Kajian ini dijalankan menggunakan soal selidik sepenuhnya. Seramai 90 orang pelajar tahun 1 terlibat dalam kajian ini. Instrumen-instrumen yang digunakan sebagai alat pengumpulan data ialah senarai semak, pemerhatian dan soal selidik. Dalam kajian ini, data yang dikumpulkan daripada soal selidik akan diproses dan dianalisis dengan menggunakan Program SPSS “*Statistical Package For Social Sciences*” (versi 21.0).

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Analisis Deskriptif

Terdapat tiga tahap skor min yang telah ditetapkan bagi semua item yang dikaji berdasarkan skor min iaitu 1.00 hingga 1.99 berada pada tahap rendah, 2.00 hingga 2.99 berada pada tahap sederhana dan 3.00 hingga 4.00 berada pada tahap tinggi. Jadual 4.2 menunjukkan interpretasi kepada tahap skor min tersebut.

Julat	Tahap Skor Min
1.00 – 1.99	Rendah
2.00 – 2.99	Sederhana
3.00 – 4.00	Tinggi

Sumber: Rosnaini, Mohd Arif & Jalaludin (2011)

### Analisis Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi

#### Penguasaan Bahan Bacaan

Jadual 4.51 menunjukkan skor min, sisihan piawai dan interpretasi tahap penguasaan bahan bacaan. Kesemua item di dalam penguasaan bahan bacaan berada pada tahap interpretasi yang tinggi. Skor keseluruhan bagi penguasaan bahan bacaan ialah (min = 3.49, sp = 0.51) dan berada pada interpretasi yang tinggi.

Jadual 3.2 Skor min, sisihan piawai dan interpretasi tahap penguasaan bahan bacaan

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
E1	Saya faham mengenai konsep KWLH.	3.26	.787	Tinggi
E2	Saya faham mengenai konsep SQ3R.	3.30	.771	Tinggi
E3	Teknik ini sesuai diintegrasikan dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca.	3.56	.655	Tinggi
E4	Teknik ini dapat meningkatkan penguasaan kefahaman bahan bacaan dalam kelas.	3.56	.563	Tinggi
E5	Saya setuju jika teknik ini diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa khususnya bahan bacaan di peringkat universiti.	3.53	.584	Tinggi
E6	Teknik bacaan ini dapat membantu pelajar menggunakan kemahiran berfikir.	3.59	.538	Tinggi
E7	Teknik bacaan ini dapat mengaktifkan pemikiran pelajar dalam menguasai bahan bacaan.	3.63	.570	Tinggi
<b>Skor Keseluruhan Penguasaan Bahan Bacaan</b>		<b>3.49</b>	<b>0.51</b>	<b>Tinggi</b>

Daripada 7 item untuk penguasaan bahan bacaan, kesemua item berada pada tahap interpretasi yang tinggi. Bagi item 2 “*Saya faham mengenai konsep SQ3R*” dengan nilai skor min 3.30. Ini menunjukkan selari dengan objektif kajian iaitu bagi memperkenalkan teknik penguasaan bahan bacaan dan pelajar dapat menerima serta memahami teknik ini dengan betul selepas diberi penerangan dan kefahaman yang jelas daripada tenaga pengajar kepada pelajar semasa sesi p&p berjalan. Sebagaimana dinyatakan oleh Syed Ismail Syed Mustapa et.al(2015); penggunaan teknik ini adalah untuk menjana pemikiran yang aktif ketika membaca dan amat berkesan untuk pembelajaran bahasa. Berbeza dengan dapatan Baharin Abu et.al. (2007) dalam kajiannya tentang kepelbagaian gaya pembelajaran dan kemahiran belajar pelajar universiti bahawa skor min bagi aspek kemahiran membaca berada antara yang sederhana di mana pelajar masih kurang menggunakan teknik membaca yang betul seperti mengkaji rangka topik dahulu sebelum membaca sepenuhnya dan kurang membuat rumusan isi dengan perkataan sendiri. Jadi, pengkaji memandang bahawa tenaga pengajar perlu memikirkan strategi dan teknik yang sesuai dengan kemampuan pelajar bagi menguasai bahan bacaan dalam pengajaran kemahiran membaca.

Penerimaan pelajar terhadap teknik ini mendapat respon yang positif daripada pelajar “*Saya setuju jika teknik ini diaplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa*



*khususnya bahan bacaan di peringkat universiti”* dengan nilai skor min iaitu 3.53 berada pada tahap interpretasi tinggi. Maka boleh diteruskan pelaksanaannya dan diaplikasi dalam meningkatkan penguasaan kemahiran membaca di KUIS. Sejalan dengan pandangan Yahya Othman(2004), terdapat lima teknik yang biasa digunakan dalam kemahiran membaca. Walau bagaimanapun, teknik SQ3R dan KWLH dikenal pasti sebagai teknik membaca yang popular dalam meningkatkan kemahiran membaca. Manakala dalam kajian yang dibuat oleh Ghazali Yusri et. al (2012), penggunaan strategi belajar bersama-sama rakan adalah penting dalam pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab. Dalam konteks pembelajaran di UiTM, ia telah digunakan pada tahap yang tinggi dalam pelaksanaan tugas berkumpulan, namun ia masih lagi berada pada tahap yang sederhana dalam aspek kesediaan mereka untuk menerangkan pelajaran kepada rakan yang lain serta kesediaan mereka untuk meluangkan masa untuk perbincangan. Peningkatan dalam penggunaan strategi ini dijangka dapat membantu pelajar dalam menguasai kemahiran lisan bahasa Arab seterusnya dapat meningkatkan pencapaian akademik mereka. Oleh itu, jelas membuktikan pelaksanaan p&p bagi pelajar IPT perlu kepada perubahan sesuai dengan tahap pengajian yang memerlukan aras pemikiran yang lebih tinggi.

Manakala item 7 adalah yang paling tinggi nilai min iaitu 3.63 “*Teknik bacaan ini dapat mengaktifkan pemikiran pelajar dalam menguasai bahan bacaan*”. Kebanyakan pelajar telah mempunyai pengetahuan sedia ada berkaitan teks yang dipelajari ditambah pula dengan gambaran dan bantuan maklumat tambahan, ia dapat mengukuhkan penguasaan bahan bacaan kerana pelajar akan lebih bebas berfikir. Selain daripada tumpuan yang diberikan semasa belajar, pelajar juga perlu mengaitkan maklumat yang dibaca dengan pengetahuan sedia ada. Hal ini kerana pengetahuan lalu penting untuk memahami maklumat baru. Menurut Yahya Othman ( 2008), teori skemata memainkan peranan penting dalam proses membaca. Bagi tujuan tersebut, pembaca membina pengetahuan asas atau mengingat perkara yang mereka telah sedia ada mengetahuinya sebelum memperkenalkan pengetahuan yang baharu. Oleh itu, dalam penguasaan membaca, pembaca perlu dibantu dari aspek pengetahuan lalu bagi memudahkannya menguasai pengetahuan baharu dan dapat membantu pemahamannya terhadap teks yang dibaca. Ini bermakna untuk tujuan memahami perkataan, ayat dan wacana bukan hanya melibatkan kemampuan atau pengetahuan linguistik semata-mata, tetapi juga meliputi pengetahuan dunia yang lebih luas. Bertepatan sebagaimana dibuktikan oleh kajian M. Khalilullah, S. Ag. (2011) menghuraikan bahawa pembelajaran aktif memerlukan pelajar terlibat dalam proses belajar masing-masing dengan menerapkan apa yang dipelajari.

Secara keseluruhannya, skor penguasaan bahan bacaan dengan nilai min 3.49 berada pada tahap tinggi adalah menunjukkan satu inisiatif penyelidik untuk mencipta inovasi ilmiah dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab terutamanya dalam p&p bahasa Arab berfokus kepada empat kemahiran asas bahasa Arab antaranya kemahiran membaca. Sejalan dengan kajian tindakan yang dibuat oleh Muhamad Arif bin Abdullah @ Esa et. al(2013) dalam seminar penyelidikan 2013 mengenai penggunaan *smart book* dalam meningkatkan kemahiran membaca ayat bahasa Arab. Keputusan penyelidikan tindakan menunjukkan bahawa penggunaan Smart Book dapat membantu dalam meningkatkan tahap penguasaan responden dalam kemahiran membaca ayat bahasa Arab. Jadi, ini membuktikan seharusnya kajian-kajian ke arah memperbaiki mutu pengajaran dan memberi nilai tambah dalam pembelajaran perlu dilaksanakan oleh tenaga pengajar seiring dengan arus perubahan di alaf baharu.

Sejajar dengan itu, adalah dicadangkan satu pembinaan garis panduan pelaksanaan p&p bahasa Arab kemahiran tertumpu kepada kemahiran yang berasingan mengikut empat kemahiran asas bahasa Arab iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis agar lebih terarah dan lebih efektif dalam pemerolehan bahasa.

## KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab kini berada di satu dimensi baharu yang berbeza dengan p&p bahasa Arab sejak awal pelaksanaannya di Malaysia. Dengan berpegang kepada asas metodologi yang digariskan, pelbagai strategi, teknik dan pendekatan dilakukan oleh tenaga pengajar bagi meningkatkan pemahaman dan penguasaan pelajar terhadap bahasa kedua ini. Jadi, adalah diharapkan kajian ini dapat memberi satu alternatif kepada tenaga pengajar bahasa terutamanya bahasa Arab untuk mempelbagaikan teknik pengajaran terutamanya dalam pengajaran kemahiran membaca. Ini kerana, proses pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua berbeza daripada bahasa pertama. Proses membaca akan menjadi satu perjalanan dan pengembaraan ilmu yang menarik andai pemilihan strategi dan teknik yang sesuai ditentukan. Hal ini juga dapat membantu mempertingkatkan kualiti pengajaran para pendidik bahasa. Walau bagaimanapun, penentuan kaedah dan pelaksanaan strategi dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca adalah perkara utama yang perlu dijadikan panduan dalam pemilihan teknik yang ingin dijalankan. Justeru, bagi mewujudkan kreativiti dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, kefahaman dan penguasaan bahan bacaan dalam kalangan pelajar perlu didedahkan dengan bahan-bahan bacaan yang dapat memberi input dan impak ke arah pembinaan aras pemikiran aktif, kritis dan kreatif. Manakala sumber bacaan pula, perlu dicapai daripada pelbagai sumber maklumat yang tepat, jelas, terperinci dan berfakta. Penguasaan bahan dan sumber bacaan ini memerlukan teknik-teknik yang efektif bagi meningkatkan minat pelajar terhadap bahan bacaan tersebut. Teknik-teknik ini boleh diperkenalkan kepada pelajar sebagai alternatif untuk meningkatkan minat terhadap bahan bacaan. Ini kerana, jika pelajar tidak tahu menguasai bahan bacaan melalui teknik-teknik yang diperkenalkan, pelajar akan menjadi pasif dan pesimis terhadap bahan bacaan tersebut. Jika teknik-teknik penguasaan bahan bacaan didedahkan kepada pelajar, eksplorasi pembacaan akan menjadi lebih menarik kerana menjana pemikiran aktif ketika membaca. Maka dengan peningkatan dan penguasaan dalam kemahiran membaca ini, akan berlaku interaksi dan tindak balas antara pelajar dan bahan bacaan di mana hasilnya adalah pelajar dapat menjana dan membina pemikiran aras tinggi.

## RUJUKAN

- Awang Sariyan. (2000). *Warna dan suasana perancangan bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharin Abu, Othman Md Johan, Syed Mohd Shafeq Syed Mansor & Haliza Jaafar (2007). *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan, Utm Johor*. Research Vote No: 71881. Laporan Penyelidikan.
- Ghazali Yusri et al. (2012). *Penggunaan Strategi Belajar Bersama Rakan Dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM)*. Asia Pacific Journal Of Educators And Education, Vol.27, 37-50.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2008. Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Putrajaya: Malaysia.
- M. Khalilullah, S.Ag. 2011. Strategi Pembelajaran Bahasa Arab Aktif (Kemahiran Qira'ah Dan Kitabah). Jurnal Sosial Budaya, Vol. 8 No. 01 Januari – Jun 2011.
- Mohd Rofian Ismail, Md. Noor Hussin, Abdul Razif Zaini, Awatif Abdul Rahman, Hairun Najuwah Jamali & Nor Syaidah Bahari. (2012). *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di IPTA dan IPTS*. Projek Penyelidikan Dana Dalam KUIS. Kod Projek: 210002019.
- Muhamad Arif bin Abdullah @ Esa et. al (2013). Penggunaan *Smart Book* Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Ayat Bahasa Arab. Seminar Penyelidikan Tindakan 2013.
- Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. (1998). *Bahasa Arab untuk kemahiran komunikasi: satu kajian tentang perlaksanaannya dan cabaran pengajaran dan pembelajaran di abad ke-21*. Dlm Prosiding isu-isu pendidikan negara. Bangi : Fakulti Pendidikan, UKM.
- Rusydi Ahmad Ta'imah. (1989). *Al-Marji' Fi T'lim al-Lughahal-Arabiyyah Li Al-Natiqiin bi Lughatin Ukhra*. Jilid 2: Jami'ah Ummul Qura: Maa'had al-Lughah.
- Smith, F. (1994). *Understanding Reading*. Edisi Kelima. Hillsdale New Jersey: Lawrence Erlbau.
- Syed Ismail Syed Mustafa, Ahmad Subki Miskon & Aliza Adnan. 2015. *Kemahiran Belajar*. Sasbadi Sdn. Bhd.
- Toimah, R.A. 2004. *Al Maharat al lughawiyah: Mustawituha, tadrisuha, su'ubatuha*. Kaherah: Dar Al Fikr Al Arabi.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Kuantan.
- Yahya Othman. (2004). *Mengajar Membaca Teori Dan Aplikasi: Panduan Meningkatkan Kemahiran Mengajar Membaca*. Bentong: PTS Publication & Distribution Sdn. Bhd.
- Yahya Othman. (2008). *Proses & Strategi Membaca Berkesan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

#### **PENGHARGAAN**

Penulis ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dan Pusat Pengurusan Penyelidikan kerana memberi kepercayaan serta dana penyelidikan dalam KUIS (2014/P/GK/DD-006) bagi membolehkan kajian tindakan ini dijalankan.

#### **PENULIS**

Awatif Abdul Rahman  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan  
Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[awatif@kuis.edu.my](mailto:awatif@kuis.edu.my)

Hairun Najuwah Jamali  
Pensyarah  
Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan  
Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[hairunnajuwah@kuis.edu.my](mailto:hairunnajuwah@kuis.edu.my)

Ku Fatahiyah Ku Azizan  
Pensyarah  
Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan  
Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[kufatahiyah@kuis.edu.my](mailto:kufatahiyah@kuis.edu.my)

Siti Nurhajariah Mat Isa  
Pensyarah  
Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan  
Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
[nurhajariah@kuis.edu.my](mailto:nurhajariah@kuis.edu.my)